



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Rujukan Kami : KPKK(R)600-1/1JLD.3(31)

Tarikh : *4* Mac 2022

**SEMUA PEGAWAI DAN KAKITANGAN
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA**

Melalui:

**PENGARAH BAHAGIAN & PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
CAWANGAN NEGERI**

Tuan/ Puan,

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2022: PEMAKAIAN DAN PEMATUHAN DASAR
KESELAMATAN ICT PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA (DKICT CGSO) VERSI 3.0**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian tuan/ puan berkaitan perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, Bahagian Keselamatan ICT & Rahsia Rasmi (BKICT&RR) telah berjaya melaksanakan penambahbaikan ke atas dokumen Dasar Keselamatan ICT Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (DKICT CGSO) v 2.1. kepada DKICT CGSO v3.0. Penambahbaikan versi ini adalah selaras dengan keperluan piawaian keselamatan maklumat ISO/IEC 27001:2013 dalam memastikan aspek keselamatan ICT CGSO sentiasa terkawal. Dokumen DKICT CGSO v3.0 ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan ICT Pejabat CGSO Bilangan 1 Tahun 2022 pada 6 Januari 2022 yang telah dipengerusikan oleh saya sendiri.

3. Untuk makluman semua, dokumen DKICT CGSO v3.0 ini juga akan menjadi panduan keselamatan maklumat kepada semua warga CGSO dalam pengurusan

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



ISO 9001-0048595



Certified to ISO 22301:2019
CERT NO.: 014-BC005

keselamatan ICT agar pengoperasian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Sukacita bersama-sama ini dikemukakan salinan lembut (softcopy) DKICT CGSO v3.0 untuk dibaca, difahami dan dipatuhi oleh semua warga CGSO Ibu Pejabat dan termasuk di cawangan Negeri. Dalam hal ini, BKICT&RR sedang merangka untuk mengadakan taklimat secara atas talian (*video conference*) mengikut zon bagi memberi pendedahan berhubung pelaksanaan DKICT CGSO V3.0 peringkat pengguna (*user level*).

4. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar semua warga CGSO untuk bersama-sama memahami dan menghayati serta menandatangani **Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT CGSO** seperti di **Lampiran A** dan mengembalikannya mengikut Bahagian di Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri masing-masing melalui e-mel ke alamat kictrr@cgso.gov.my selewat-lewatnya **sebelum atau pada 6 April 2022**.

5. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/ puan berhubung perkara ini amat dihargai sebagai salah satu usaha murni dan ikrar kita untuk menjaga keselamatan maklumat Kerajaan dan keselamatan negara umumnya.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHIM BIN ISMAIL)

s.k.:

YBrs. Puan Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Operasi)

LAMPIRAN 1: SURAT AKUAN PEMATUHAN DKICT CGSO



SURAT AKUAN PEMATUHAN

DASAR KESELAMATAN ICT

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

Nama Penuh
(Huruf Besar) :

No. Kad
Pengenalan :

Jawatan :

Bahagian :

Adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

1. Saya telah membaca, memahami dan akur akan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Dasar Keselamatan ICT Pejabat CGSO; dan
2. Jika saya ingkar kepada peruntukan-peruntukan yang ditetapkan, maka tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas diri saya.

Tandatangan :

Tarikh :

Pengesahan Pegawai Keselamatan ICT

.....
(Nama Pegawai Keselamatan ICT)
b.p. Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Tarikh :